

ABSTRAK

Disertasi ini bertajuk “Analisis Kesilapan Penggunaan Kata Kerja Dalam Bahasa Portugis Di Kalangan Pelajar Universiti Malaya”. Tumpuan utama penyelidik di dalam kajian ini ialah untuk melihat kesilapan penggunaan kata kerja dalam bahasa Portugis. Kata kerja dipilih kerana ia merupakan asas kepada pembentukan ayat atau sintaksis dalam bahasa Portugis. Masalah untuk menyesuaikan kata kerja berdasarkan gantinama dan kala sering dihadapi oleh pelajar-pelajar bahasa Portugis. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menjelaskan:-

- (1) Kesilapan penggunaan kata kerja regular, kata kerja tak regular dan kata kerja refleksif.
- (2) Kesilapan penggunaan kala iaitu Kala Kini (KK), Kala Kini Berterusan (KKB), Kala Lepas Preterite (KLP), Kala Lepas Imperfect (KLI), Kala Depan Imperfect (KDI) dan Kala Depan Terdekat (KDT).
- (3) Jenis-jenis kesilapan berdasarkan kesilapan intralingual dan interlingual
- (4) Empat punca kesilapan iaitu generalisasi melampau, kejahanan peraturan, analisis salah konsep dan penggunaan peraturan yang tidak sempurna.

Untuk memenuhi objektif-objektif di atas, penyelidik telah melakukan ujian ke atas 30 orang pelajar tahun akhir Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya untuk melihat masalah penggunaan kata kerja dalam bahasa Portugis, serta mengumpulkan data-data berdasarkan dua ujian iaitu ujian I

iaitu ujian mengisi tempat kosong (Lampiran B) dan ujian 2 iaitu ujian karangan (Lampiran C).

Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kata kerja tak regular mencatatkan peratus kesilapan yang tertinggi iaitu 63.7% berbanding dengan kata kerja yang lain. Kala yang paling banyak menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar ialah KDI dan KLI. Kesilapan intralingual mewakili 89.5% kesilapan berbanding dengan interlingual iaitu sebanyak 10.5%. Ini ada benarnya jika kita melihat teori EA di mana bahasa ibunda bukan merupakan faktor utama pelajar melakukan kesilapan. Penyelidik juga akan melihat bagaimana empat punca kesilapan seperti yang diutarakan oleh Richards (1971) juga wujud semasa pelajar mempelajari bahasa Portugis.

Berdasarkan keputusan ujian itu, penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi kelemahan pelajar-pelajar. Antara saranan-saranan tersebut ialah cadangan daripada segi bahan pengajaran dan juga kaedah pengajaran bahasa terutamanya bahasa Portugis. Dengan itu, segala kelemahan pelajar dapat diatasi dan dalam masa yang sama prestasi pelajar-pelajar dapat ditingkatkan.

Selain itu, cadangan penyelidik pada masa akan datang juga turut dibincangkan. Ini amat berguna kepada penyelidik-penyalidik lain yang ingin mengkaji secara lebih mendalam bahasa Portugis.